



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.8/2022
PADA 24 OGOS 2022 (RABU) JAM 10.00 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng;
 - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - VII. YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
 - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Illahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Pada penghujung Ogos 2022 ini, kita bakal menyambut kemerdekaan yang ke-65 di mana kemerdekaan memberi satu takrifan yang sangat besar dan sangat bererti. Kejayaan negara pada hari ini adalah hasil usaha tanpa jerih perjuangan pada satu ketika dahulu bagi melihat sebuah negara bangsa yang bebas diperintah dan ditadbir sendiri oleh rakyat.
5. Sempena sambutan bulan kemerdekaan tahun ini yang bertemakan **“Keluarga Malaysia Teguh Bersama”** amat bersesuaian dengan iltizam dan konsep keharmonian sebuah keluarga besar berteraskan keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.
6. Sambutan Hari Kebangsaan diadakan pada setiap tahun bagi memperingati usaha pejuang-pejuang kemerdekaan tanah air. Nilai kemerdekaan yang diraikan bukan sahaja merdeka dijajah namun yang paling penting keupayaan kita semua hidup dengan bersatu dalam suasana aman damai negara tercinta.

7. Saya menyeru seluruh warga Majlis Bandaraya Seremban tetap kekal bersatu menjadi nadi tulang belakang kepada sistem pentadbiran yang kukuh, penuh prinsip dan berintegriti. Ini merupakan nilai-nilai murni yang konsisten yang telah dipraktikkan dalam mewujudkan penyampaian yang lebih cemerlang di Majlis Bandaraya Seremban.

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

EDARAN BIL CUKAI TAKSIRAN BAGI PENGGAL 2/2022

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Majlis Bandaraya Seremban telah memproses sebanyak 294,061 bil Cukai Taksiran bagi penggal 2/2022 melalui pos dan serahan tangan telah dilaksanakan pada 31 Julai 2022. Saya meminta warga Bandar Raya Seremban supaya menjelaskan bayaran Cukai Taksiran bagi penggal 2/2022 sebelum 31 Ogos 2022 bagi mengelakkan denda sebanyak RM20.00 dikenakan mulai 1 September 2022.

Sumber : Jabatan Kewangan

KAUNTER BERGERAK CUKAI TAKSIRAN DAN SEWAAN

9. Majlis Bandaraya Seremban telah mengadakan Operasi Kaunter Bergerak kutipan pintu ke pintu bagi mengutip Cukai Taksiran di 38 lokasi sekitar kawasan Pentadbiran Majlis. Sebanyak RM185,807.79 telah berjaya dikutip mulai 8 Januari 2022 sehingga 13 Ogos 2022. Manakala sebanyak RM58,421.00 telah berjaya dikutip bagi Operasi Kaunter Bergerak Sewaan Gerai dan Pasar telah diadakan bagi 28 lokasi terpilih telah diadakan mulai 11 Januari 2022 sehingga 16 Ogos 2022.

10. Majlis juga telah mengadakan lawatan ke 34 buah premis mengikut kategori *Cold Case*, Firma/Syarikat, Hotel, Kilang, Persatuan, Pasaraya serta Pemaju yang mempunyai tunggakan Cukai Taksiran yang tinggi. Sehingga 20 Julai 2022, sebanyak RM22,145.80 tunggakan Cukai Taksiran berjaya dikutip semasa lawatan diadakan berbanding RM1,372,852.17 jumlah keseluruhan tunggakan bagi premis tersebut.

Sumber : Jabatan Kewangan

KEMPEN CABUTAN BERTUAH BAYARAN SECARA ATAS TALIAN DENGAN BAYARAN PENUH SEHINGGA 30 JUN 2022

11. Majlis Bandaraya Seremban sedang mengadakan Kempen Cabutan Bertuah Bagi Bayaran Secara Atas Talian dengan bayaran penuh sehingga 30 Jun 2023 mulai 1 Julai 2022 dan akan tamat pada 31 Disember 2022. Sehingga Julai 2022, sebanyak 1,184 pemilik harta telah layak menyertai kempen ini. Sebanyak 45 buah hadiah menarik menanti pemilik harta yang bertuah selain 5 buah telefon pintar Samsung A13 bagi cabutan bulanan dan 40 hadiah lain seperti tablet, telefon pintar dan komputer riba disediakan bagi cabutan akhir tahun.

Sumber : Jabatan Kewangan

SIJIL BERSIH PENYATA KEWANGAN 2021

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

12. Saya juga ingin kongsi bahawa Majlis Bandaraya Seremban telah berjaya mendapat Sijil Bersih bagi Penyata Kewangan 2021. Tahniah dan terima kasih kepada semua jabatan atas kerjasama yang diberikan sepanjang pengauditan dijalankan. Sehubungan dengan itu, pementakan Sijil Bersih akan dibentangkan melalui Majlis Mesyuarat Penuh Bil.8/2022.

Sumber : Jabatan Kewangan

PEMBERIAN GERAN JMB / MC TAHUN 2022

13. Majlis pemberian geran kepada JMB / MC tahun 2022 telah berlangsung pada 25 Julai 2022 di Dewan Majlis Bandaraya Seremban dan dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus. Di bawah Belanjawan Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus bagi tahun 2022, Kerajaan Negeri telah bersetuju melaksanakan satu inisiatif baru iaitu Pemberian Geran Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) secara *one-off* berjumlah RM5,000.00 kepada 113 JMB/MC dalam kawasan Seremban dan Nilai menjadikan jumlah keseluruhan Geran adalah sebanyak RM565,000.00.

14. Sebanyak 86 JMB/MC di kawasan Seremban dan 27 JMB/MC di kawasan Nilai terlibat dengan pemberian geran tahun 2022 dan setiap JMB/MC telah menghantar wakil daripada Ahli Jawatankuasa masing-masing untuk menerima geran pada majlis tersebut. Tujuan pemberian geran kepada JMB/MC adalah bertujuan untuk membantu skim-skim strata kos rendah dan kos sederhana dalam menjalankan aktiviti-aktiviti atau program gotong-royong, pembelian peralatan keselamatan atau pembukaan akaun penyenggaraan dan akaun kumpulan wang penjelas (*Sinking Fund*) bagi skim mereka.

Sumber : Unit COB

PELAPORAN BANJIR KILAT DI BAWAH PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

15. Majlis Bandaraya Seremban telah menubuhkan pasukan *Task Force* yang terdiri daripada beberapa jabatan iaitu Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran (JPKP), Jabatan Taman & Landskap (JTL), Jabatan Kejuruteraan (JKJ), Jabatan Pembangunan Masyarakat & Pelancongan (JPMP) dan Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan (JUUP). Pasukan *Task Force* sentiasa menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa dan berada dalam kesiapsiagaan untuk melaksanakan misi bantuan.
16. Kawasan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan mudah banjir adalah seperti berikut :-

BIL	LOKASI	PUNCA	TINDAKAN
1.	i. Mutiara Galla ii. <i>Culvert</i> Jalan Tunku Antah iii. <i>Culvert</i> Jalan Tunku Kursiah iv. <i>Culvert</i> Angsiville v. <i>Culvert</i> Jalan Tunku Kursiah Depan UiTM	<i>Culvert</i> Tersumbat	Pemantauan Setiap Minggu Oleh Pasukan Bencana Diurusetia oleh JPMP

2.	<ul style="list-style-type: none"> i. Kg. Ismail ii. Blok C Ampangan iii. Kg. Jihoi iv. Kg. Singh v. Kg. Pasir vi. Kg. Dato' Mansor vii. Kg. Semarak viii. Taman Happy 	Limpahan Air Sungai	Pembersihan Apabila Berlaku Banjir
----	--	---------------------	------------------------------------

17. Pada 21 Ogos 2022 yang lalu, saya telah mengadakan lawatan turun padang ke Angsiville, Taman Tuanku Jaafar. Lawatan ini adalah bertujuan untuk memantau kerja-kerja pembersihan kawasan yang terjejas akibat banjir kilat. Kerja pembersihan dilaksanakan oleh kakitangan Majlis Bandaraya Seremban daripada Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran (JPKP) dan Kontraktor Pembinaan Longkang. Turut sama melaksanakan tugas Jabatan masing-masing ialah Penghulu dari Pejabat Daerah Seremban, kakitangan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Seremban (JKM). Kerja-kerja fizikal di kawasan tersebut dijangka akan disiapkan pada Mac 2023.

Sumber : Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran

PELAPORAN AKTIVITI JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN

18. Sehingga minggu ke-29, sebanyak 633 kes demam denggi dan 2 kes kematian telah dilaporkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Seremban. Sehingga 14 Ogos 2022, Majlis telah menjalankan aktiviti kawalan *fogging* ke atas 38,628 premis, ULV 59,867 premis, *larvaciding* 67 lokaliti, *source reduction* 67 lokaliti dan gotong-royong ke atas 66 taman perumahan. Majlis juga telah mengadakan 336 sanitasi dan 388 disinfeksi.

19. Sehingga 15 Ogos 2022, sebanyak 249 kematian biasa dan 515 kematian akibat COVID-19 telah direkodkan bagi Tanah Perkuburan Islam Ainsdale manakala bagi Tanah Perkuburan Kristian Sendayan pula, sebanyak 135 kematian biasa dan 23 kematian akibat COVID-19 telah direkodkan. Bagi Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2, sebanyak 214 kematian biasa telah direkodkan dan Tanah Perkuburan Islam Nilai TIADA jenazah dikebumikan sehingga 15 Ogos 2022.

Sumber : Jabatan Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran

MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA MEDIA

20. Majlis akan mengadakan Majlis Makan Malam Bersama Media pada 25 Ogos 2022 di Klana Resort Seremban jam 8.00 malam. Majlis ini merupakan kali pertama diadakan semenjak Majlis Bandaraya Seremban dinaiktaraf pada 1 Januari 2020 yang lalu. Majlis ini diadakan bagi menghargai pihak media yang sentiasa memberi sokongan kepada Majlis dan mengeratkan lagi ukhwah antara Majlis Bandaraya Seremban dengan rakan-rakan media. Saya ingin menjemput Ahli-Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua Unit serta rakan-rakan media untuk hadir ke majlis yang akan diadakan pada malam ini.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

PERTANDINGAN KOIR ANTARA JABATAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

21. Majlis Bandaraya Seremban telah menubuhkan Pasukan Koir Majlis Bandaraya Seremban 2022 bagi menyertai Pertandingan Koir Antara Jabatan Kerajaan Negeri Sembilan di Klana Resort, Seremban pada 4 Ogos 2022. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada 31 orang ahli koir terdiri daripada pelbagai jabatan yang telah mewakili Majlis Bandaraya Seremban ke pertandingan ini. Saya berharap pasukan koir akan lebih bersedia awal agar dapat merangkul anugerah juara pada masa akan datang.

Sumber : Unit Komunikas Korporat

PAPARAN SKRIN LED DI WISMA MBS DAN DATARAN NILAI SEMPENA BULAN KEMERDEKAAN

22. Mulai 24 Ogos 2022 sehingga 16 September 2022, skrin LED di Wisma MBS dan Dataran Nilai akan memaparkan paparan mengenai kemerdekaan. Ini merupakan salah satu usaha yang dilakukan oleh Majlis bagi menyemarakkan lagi semangat warga Bandar Raya sempena sambutan bulan kemerdekaan.

Sumber : Unit Komunikasi Korporat

23. TEMPOH PEMUTIHAN SEHINGGA 31 OKTOBER 2022 KEPADA PEMILIK HARTA YANG MASIH BELUM MEMAKLUMKAN PENUKARAN HAK MILIK HARTA KEPADA MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN

24. Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Sembilan yang bersidang pada 11 Mei 2022 telah menimbangkan Kertas Mesyuarat No.1066/2022 dan mengambil keputusan seperti berikut :-

- a. **Bersetuju** menerima Cadangan Penguatkuasaan Seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) ;
- b. **Bersetuju** notis pemberitahuan pindah milik / warisan kasih sayang **wajib dikemukakan** kepada PBT dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pindah milik (transaksi jual beli) atau satu tahun dari tarikh kematian ;

- c. **Bersetuju** agar denda di bawah seksyen 160 (6) Akta 171 iaitu “Denda tidak melebihi dua ribu ringgit (RM2,000.00) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya” **ditangguhkan** sebaliknya kompaun sepertimana dipaparan dilaksanakan di seluruh PBT di Negeri Sembilan.

- d. Bersetuju agar hebahan dan pemakluman dilaksanakan dengan lebih agresif oleh PBT kepada semua pemilik pegangan dalam tempoh 5 bulan iaitu Mei 2022 – Oktober 2022 ; dan

- e. Tarikh kuatkuasa adalah pada **1 November 2022**.

Sumber : Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

PENUTUP

YBhg. Dato’ Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

- 25. Menjelang sambutan kemerdekaan negara yang ke-65 pada 31 Ogos 2022, Majlis Bandaraya Seremban telah mengambil inisiatif dengan memasang 5,000 helai bendera di seluruh kawasan Pentadbiran Majlis termasuk jalan-jalan Majlis, bangunan-bangunan Majlis, Dewan-dewan Majlis sejak awal bulan Ogos yang lalu. Sehubungan dengan itu, saya menyeru agar semua pihak mengibarkan Jalur

Gemilang samada di premis perniagaan, kediaman mahupun di kenderaan masing-masing. Semangat ini perlu disemarakkan di segenap kehidupan masyarakat dan disematkan dalam ingatan bagi mengukuhkan kembali asas perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan bersama. Di samping itu juga, secara tidak langsung kita dapat menyemarakkan semangat patriotisme dan perpaduan negara.

26. Majlis juga mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah menyumbang bendera bagi memeriahkan lagi kibaran jalur gemilang di dalam kawasan Pentadbiran Majlis supaya semangat cintakan tanah air terus membara dalam diri warga Bandar Raya Seremban.
27. Akhir kata, semoga segala usaha kita dalam memajukan dan menambahbaik sistem perkhidmatan dan penyampaian kepada warga bandar raya terus dipermudahkan dan memperolehi pencapaian Bandar Raya Pintar Yang Mampan, Bersih dan Berdaya Maju.

Sekian, terima Kasih.

DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
24 OGOS 2022